



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

ANTARA

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

DENGAN

TARIKH: 2017

Memorandum Persefahaman (MoU) ini dibuat pada _____ 2017

ANTARA

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, sebuah institusi pendidikan tinggi dan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Utara Malaysia (Perbadanan) 1984, dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, yang beralamat di 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman (selepas ini dirujuk sebagai "**UUM**") sebagai pihak pertama;

DENGAN

_____ yang bagi maksud MoU ini diwakili oleh _____, (selepas ini dirujuk sebagai "____") sebagai pihak kedua.

(**UUM** dan _____ boleh dirujuk secara berasingan sebagai "Pihak" dan secara bersesama sebagai "Pihak- pihak")

BAHAWASANYA

- A. **UUM** adalah sebuah universiti yang berusaha untuk memperkasakan bidang akademik, penyelidikan, perundingan dan penerbitan dan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk melengkapkan kecemerlangan akademik dan telah memasuki pelbagai perjanjian kerjasama dengan pihak-pihak lain.
- B. _____

_____.
- C. Pihak-Pihak berhasrat untuk memasuki MoU ini untuk menyatakan niat mereka dan mewujudkan asas kerjasama dan usaha sama antara Pihak-Pihak berdasarkan terma-terma yang terkandung kemudian daripada ini.

Initial	
UUM	XXX

REPRESENTASI DAN WARANTI

_____ menyatakan dan mewaranti **UUM** bahawa :-

- a) Ianya telah diperbadankan secara sah di bawah Undang- undang Malaysia.
- b) Ianya mempunyai kuasa korporat untuk memasuki dan melaksanakan kewajipannya di bawah MoU ini.
- c) Ianya telah mengambil segala tindakan korporat yang perlu untuk memberi izin memasuki dan melaksanakan MoU ini .
- d) Sehingga ke tarikh penyempurnaan MoU ini, tiada apa- apa penyempurnaan mahupun pelaksanaan olehnya MoU ini mahupun apa- apa transaksi yang dihasratkan oleh MoU ini melanggar mana- mana peruntukan
 - i. Statut Universiti atau apa-apa undang-undang berkaitan (Universiti); atau
 - ii. Memorandum dan Artikel Penubuhannya (syarikat); atau
 - iii. apa-apa dokumen atau perjanjian yang mana mengikatnya atau hartanya.
- e) Tiada pertikaian; pertimbangtaraan; tuntutan cukai; perbalahan atau prosiding pentadbiran yang pada waktu ini sedang atau tertangguh atau pada pengetahuannya; diancam yang mana berkemungkinan membawa kesan buruk yang matan untuknya atau keupayaannya untuk melaksanakan kewajipan kewangan atau lain- lain kewajipan di bawah MoU ini.
- f) Ianya mempunyai keupayaan yang diperlukan untuk melaksanakan kewajipannya dan ianya mengakui bahawa **UUM** memasuki MoU ini dengan bergantung kepada representasi dan waranti yang dinyatakan tersebut.

Initial	
UUM	XXX

PIHAK-PIHAK DENGAN INI TELAH MENCAPAI SATU PERSEFAHAMAN SEPerti BERIKUT:

1. OBJEKTIF

Pihak–Pihak, tertakluk kepada terma MoU ini dan undang–undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan serta dasar-dasar yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, akan berusaha untuk mengukuhkan, menggalakkan dan membangunkan kerjasama antara Pihak-Pihak atas dasar sama rata dan manfaat bersama.

2. BIDANG KERJASAMA

2.1 Pihak-pihak hendaklah, tertakluk kepada undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar-dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menggalakkan dan mempromosi kerjasama dalam bidang-bidang yang berikut:

- a) _____;
- b) _____;
- c) _____;
- d) _____; dan
- e) mengadakan apa-apa bidang kerjasama lain sebagaimana yang dipersetujui oleh Pihak–pihak dari semasa ke semasa.

2.2 Bagi tujuan melaksanakan kerjasama berkenaan dengan mana-mana bidang dalam perenggan 2.1 di atas, Pihak-pihak boleh memasuki perjanjian yang mengikat tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak.

2.3 Bagi tujuan promosi, Pihak-pihak boleh, sekiranya sesuai, memasukkan hyperlink setiap pihak di laman web rasmi universiti masing-masing.

3. PERKIRAAN KEWANGAN

3.1 Mou ini tidak akan mengakibatkan apa-apa obligasi kewangan oleh satu Pihak kepada Pihak yang satu lagi.

Initial	
UUM	XXX

- 3.2 Setiap Pihak hendaklah menanggung kos dan perbelanjaan masing-masing dalam pelaksanaan MoU ini.

4. KERAHSIAAN

- 4.1 Masing-masing Pihak mengaku janji untuk memelihara kerahsiaan maklumat sulit yang diterima dari atau dibekalkan oleh Pihak yang satu lagi sepanjang tempoh kuatkuasa MoU ini atau persetujuan-persetujuan lain yang dibuat selaras dengan MoU ini.
- 4.2 Untuk tujuan MoU ini "maklumat sulit" bermakna apa-apa maklumat samada sebelum dari atau selepas dari ini didedahkan oleh suatu pihak (Pihak yang Mendedah) kepada Pihak yang satu lagi (Pihak yang Menerima Pendedahan) berbangkit daripada MoU ini yang melibatkan teknikal, bisnes, pemasaran, polisi, pengetahuan, perancangan, pengurusan projek dan apa-apa maklumat, data dan/atau penyelesaian dalam mana-mana bentuk termasuk dan tidak terhad kepada apa-apa maklumat yang telah dinyatakan dalam tulisan sebagai sulit atau secara asalnya bertujuan untuk pengetahuan Pihak yang menerima pendedahan atau secara lisan diberikan dalam hal keadaan sulit.
- 4.3 Masing-masing Pihak bersetuju bahawa peruntukan klausa ini akan berterusan mengikat Pihak-Pihak di sini tanpa mengambil kira penamatan MoU ini.

5. KESAN MoU

- 5.1 MoU ini memperuntukkan niat Pihak-pihak berhubung dengan bidang kerjasama sebagaimana yang dinyatakan dalam klausa 2.
- 5.2 Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan, pertikaian dan kegagalan oleh mana-mana Pihak dalam melaksanakan MoU ini, perbezaan, pertikaian atau kegagalan tersebut hendaklah ditangani sebagaimana yang dinyatakan dalam klausa 10.

Initial	
UUM	XXX

- 5.3 Pihak-pihak mengaku janji untuk mematuhi peruntukan MoU ini dalam melaksanakan kerjasama menurut MoU ini

6. TIADA AGENSI

Tiada apa-apa yang terkandung dalam MoU ini boleh ditafsirkan sebagai membentuk apa-apa usahasama, perkongsian atau organisasi perniagaan rasmi antara Pihak-pihak atau menjadikan salah satu Pihak sebagai ejen kepada Pihak yang satu lagi.

7. TARIKH KUAT KUASA DAN TEMPOH MoU

- 7.1 MoU ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya ditandatangani dan hendaklah terus berkuat kuasa untuk tempoh satu (1) tahun.
- 7.2 MoU ini boleh dilanjutkan untuk suatu tempoh yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak secara bertulis.

8. SEMAKAN, UBAH SUAIAAN DAN PINDAAN

- 8.1 Mana-mana Pihak boleh memohon secara bertulis kepada Pihak yang satu lagi untuk membuat semakan, ubah suaian dan pindaan keseluruhan atau mana-mana bahagian MoU ini.
- 8.2 Apa-apa semakan, ubah suaian dan pindaan yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah menjadi sebahagian daripada MoU ini.
- 8.3 Apa-apa semakan, ubah suaian dan pindaan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Pihak-Pihak.
- 8.4 Apa-apa semakan, pindaan dan ubah suaian tidak boleh menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan MoU ini sebelum atau sehingga tarikh semakan, pindaan dan ubah suaian.

Initial	
UUM	XXX

9. KEADAAN LUAR JANGKA

- 9.1 Pihak-Pihak boleh, atas sebab keselamatan negara, kepentingan negara, ketenteraman awam atau kesihatan awam, menggantung secara sementara, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, pelaksanaan MoU ini yang penggantungannya hendaklah berkuat kuasa sebaik selepas pemberitahuan diberikan kepada Pihak yang satu lagi.
- 9.2 Tanpa menjejaskan peruntukan perenggan 9.1, sekiranya apa-apa kejadian lain yang berlaku yang menghalang atau menghadkan penguatkuasaan MoU ini masing-masing Pihak mestilah menggunakan daya upaya yang terbaik untuk bersetuju bertindak sebagaimana yang sesuai yang diperlukan dan saksama untuk mengatasi punca atau sebab kejadian tersebut.

10. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Pihak-pihak bersetuju bahawa apa-apa perbezaan atau pertikaian berkaitan dengan pentafsiran dan/atau pelaksanaan dan/atau pemakaian mana-mana peruntukan MoU atau kegagalan mana-mana Pihak dalam melaksanakan MoU ini hendaklah diselesaikan secara aman melalui rundingan bersama dan/atau runding bicara antara Pihak-pihak.

11. PIHAK-PIHAK BERTANGGUNGJAWAB

Pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan MoU ini bagi pihak **UUM** adalah Naib Canselor dan bagi pihak _____.

12. NOTIS

- 12.1 Apa-apa komunikasi berkaitan MoU ini hendaklah dibuat secara bertulis menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan dihantar menggunakan perkhidmatan berdaftar ke alamat atau mel elektronik atau nombor faksimili **UUM** atau ____, mengikut hal yang berkenaan, seperti maklumat di bawah atau dihantar ke alamat, mel elektronik atau nombor faksimili seperti yang dimaklumkan oleh mana-mana pihak kepada pengirim dan hendaklah, melainkan diperuntukkan sebaliknya, disifatkan

Initial	
UUM	XXX

sebagai telah diberi atau dibuat apabila dihantar kepada penerima di alamat, mel elektronik atau nombor faksimili yang telah diperakukan tersebut:

Kepada : **UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**
Alamat : 06010 UUM Sintok, Kedah
Untuk Perhatian : Naib Canselor
No. Telefon : 04-9283001
No. Faksimili : 04-9283005
E-mail : vc@uum.edu.my

Kepada :
Alamat :
Untuk Perhatian :
No. Telefon :
No. Faksimili :
E-mail :

- 12.2 Pihak-pihak bertanggungjawab memaklumkan secara bertulis kepada pihak yang satu lagi apa-apa perubahan alamat atau perubahan entiti dalam tempoh empat belas (14) hari.

Initial	
UUM	XXX

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS, Memorandum Persefahaman ini ditandatangani di ____ pada _____ haribulan _____ dalam tahun 2017 dalam empat (4) salinan teks asal dalam bahasa Melayu, kesemua teks sama sahnyanya.

Ditandatangani untuk dan bagi
pihak **UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Ditandatangani untuk dan bagi
pihak

**PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED
MUSTAFA ISHAK**
Naib Canselor

Disaksikan oleh

Disaksikan oleh

Ketua PTJ

Initial	
UUM	XXX